

Kehilangan habitat punca ganggu penduduk

BH 22/08/2019 ms 14

Ipoh: Masalah gangguan gajah di Perak menunjukkan peningkatan sejak lima tahun lalu berikutan banyak kawasan tanah dibuka, khususnya untuk projek pertanian sehingga mengakibatkan haiwan berkenaan kehilangan habitat dan kawasan rayau.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Perak, Yusof Shariff, berkata bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini sebanyak 35 aduan diterima, dengan aduan tertinggi pada April iaitu 11 kes.

Beliau berkata, tangkapan terbaru pada 3 Ogos lalu selepas seekor gajah memasuki kawasan Kampung Rancangan Plang di Gerik sebelum dilepaskan ke habitat asalnya di Hutan Simpan Royal Belum.

Yusof berkata, tangkapan dilakukan selepas menerima aduan penduduk yang bimbang kehadirannya sejak dua bulan lalu.

Katanya, gajah yang dianggarkan berusia antara 20 hingga 25 tahun itu ditangkap dengan bantuan dua gajah 'denak' bernama Rambai dan Abot yang didatangkan khas dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah, Pahang.

"Gangguan ini belum sampai tahap kritikal, sehingga kini belum ada kejadian membabitkan kecederaan kepada penduduk atau pertembungan dengan orang ramai.

"Aduan daripada penduduk ialah gangguan gajah masuk ke ladang sawit dan dusun, cuma dalam kes terpencil ada yang ter-



Anggota PERHILITAN Perak dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang memindahkan gajah liar, di Kampung Rancangan Plang, Gerik, 3 Ogos lalu. (Foto Effendy Rashid/BH)

keluar dari kumpulannya kemudian tersesat masuk ke kampung," katanya ketika ditemui di sini.

Yusof berkata, faktor utama gajah masuk kawasan ladang sawit dan dusun adalah mencari makanan, yang mana ia pada asalnya mungkin kawasan rayau haiwan itu tetapi bertukar menjadi ladang atau penempatan penduduk.

Katanya, selain kemungkinan

ladang sawit atau penempatan dimasuki adalah habitat asal haiwan itu sebelum ini, ia juga kerana sifatnya yang dinamik iaitu bertindak balas dengan keadaan persekitaran.

"Jika sebelum ini sumber makanan berada dalam hutan, tetapi apabila ladang sawit dibuka dan gajah berkenaan mulai merasai umbut sawit, dan baginya berasa lebih sedap, ia akan ulang ke ladang sama untuk

mendapatkan sumber itu," katanya.

Sebelum ini juga, katanya, ada kajian dilakukan oleh Universiti Nottingham Kampus Semenyih, Selangor, yang memasang alat pengesan pada seekor gajah dan dilepaskan di laluan Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli, dan didapati gajah itu berjalan di sepanjang laluan berkenaan kerana ada rumput yang boleh dimakan di situ.

Kes pertembungan manusia dan gajah di Perak

- » Gajah betina berusia 35 tahun yang kekurangan nutrisi dan dijangkiti ulser teruk di mulutnya, ditemui mati dalam longkang di tepi Jalan Raya Timur-Barat Gerik-Jeli pada 24 Februari lalu.
- » Anak gajah jantan dipercayai terpisah daripada kumpulannya tersesat ke kawasan penduduk dan masuk kawasan Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Lintang, Sungai Siput, pada 7 Ogos tahun lalu.
- » Pemandu lori parah selepas dikejar dan dipijak gajah di Kilometer 19, Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli di Gerik, pada 1 Februari tahun lalu.
- » Gajah betina dianggarkan seberat dua tan mengamuk apabila memusnahkan kabin milik kontraktor, ditemui mati berhampiran Dataran Juang, Kem Sri Banding dekat Gerik, dipercayai terkena renjatan elektrik pada 2 Januari 2018.
- » Gajah jantan berusia 10 tahun mati dilanggar bas di Kilometer 60, Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli, dekat Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Puncak Titiwangsa, Gerik, pada 24 Ogos 2017.
- » Dua cedera akibat diserang dan dipijak gajah liar di tepi Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli, berdekatan Tasik Banding, pada 17 Februari 2017.